

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Rozman Bin Isli [Labuan]

TARIKH : 7 MAC 2017

SOALAN :

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapakah nisbah pengeluaran getah bagi tempoh 2011 - 2016 serta apakah perancangan Kementerian dalam mengukuhkan pasaran komoditi negara sekiranya perubahan dasar Presiden Amerika Syarikat yang baharu memberi kesan terhadap hasil pasaran komoditi dunia pada masa akan datang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Malaysia merupakan negara pengeluar getah keenam terbesar dunia. Sejak tahun 2011 hingga kini, tren pengeluaran getah Malaysia menunjukkan penurunan berbanding jumlah pengeluaran getah dunia. Nisbah pengeluaran getah negara bagi tempoh 2011-2016 berbanding pengeluaran dunia adalah seperti berikut:

- i. 2011: 996,210 tan bersamaan 8.9% daripada jumlah pengeluaran dunia
- ii. 2012: 922,798 tan bersamaan 7.9% daripada jumlah pengeluaran dunia
- iii. 2013: 826,421 tan bersamaan 6.7% daripada jumlah pengeluaran dunia
- iv. 2014: 668,613 tan bersamaan 5.5% daripada jumlah pengeluaran dunia
- v. 2015: 722,122 tan bersamaan 5.9% daripada jumlah pengeluaran dunia
- vi. 2016: 673,840 tan bersamaan 5.4% daripada jumlah pengeluaran dunia

Tuan Yang Di-Pertua,

Malaysia merupakan negara pengeluar dan pengeksport terbesar dunia bagi produk-produk berasaskan getah terutamanya sarung tangan getah. Pada tahun 2016, hasil eksport getah dan produk getah negara adalah sebanyak RM24.79 billion, pengurangan 1.7% berbanding tahun 2015.

Destinasi eksport terbesar barangan getah Malaysia adalah Amerika Syarikat dengan nilai eksport berjumlah RM5.3 billion. Eksport ke Amerika Syarikat menyumbang 28.3% daripada syer eksport global produk-produk getah negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain produk-produk getah, Malaysia juga merupakan pengeksport utama produk-produk komoditi yang meliputi sawit, kayu kayan, koko dan lada. Eksport produk-produk komoditi menyumbang 15.5% daripada keseluruhan eksport barangan Malaysia.

Kementerian bersama-sama dengan agensi akan meneruskan langkah-langkah untuk memperkukuhkan eksport produk-produk komoditi ke lain-lain destinasi agar perubahan dasar Amerika Syarikat tidak memberi kesan negatif. Ini termasuk:

- i. memperbanyakkan aktiviti promosi dan teknikal bagi memperkukuhkan eksport ke pasaran sedia ada dan menembusi pasaran-pasaran baru;
- ii. terlibat dalam rundingan-rundingan perjanjian perdagangan bebas dua hala dan serantau. Umpamanya, Malaysia terlibat dalam rundingan *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* yang melibatkan ASEAN dan 6 rakan dagangan yang lain. RCEP mempunyai jumlah penduduk seramai 3 bilion penduduk, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) gabungan kira-kira USD17 trilion dan menyumbang 40% daripada perdagangan dunia;

- iii. memperkasakan aktiviti hiliran bagi menghasilkan produk-produk baru bernilai tinggi, di samping meningkatkan penggunaan domestik komoditi;
- iv. meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baru berasaskan komoditi untuk dikomersialkan oleh pihak industri; dan
- v. mengadakan kerjasama di peringkat antarabangsa bersama-sama negara-negara pengeluar komoditi. Ini termasuk kerjasama dengan Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) dan dengan Indonesia di bawah *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC). Kerjasama seumpama ini selain memperkukuhkan pembangunan industri komoditi juga dapat membolehkan menangani isu-isu akses pasaran.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan eksport produk-produk komoditi negara supaya ia memanfaatkan para penanam, terutamanya para pekebun kecil. Selain itu, langkah ini juga akan dapat meningkatkan permintaan dan seterusnya menyumbang kepada pendapatan yang stabil.

Sekian, terima kasih.